

# AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

Pholcodine (5mg/5ml)

Triprolidine HCl (1.25mg/5ml)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAHINI

- Apakah kegunaan Axcel Iridin Plus Linctus.
- Bagaimana Axcel Iridin Plus Linctus berfungsi.
- Sebelum mengambil Axcel Iridin Plus Linctus.
- Cara menggunakan Axcel Iridin Plus Linctus.
- Semasa menggunakan Axcel Iridin Plus Linctus.
- Kesan-kesan sampingan.
- Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Iridin Plus Linctus.
- Maklumat lanjut.
- Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
- Tarikh Kemaskini RiMUP.

## APAKAH KEGUNAAN AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

Axcel Iridin Plus Linctus boleh digunakan untuk melegakan batuk yang tidak produktif atau merengsa yang berkaitan dengan selsema seperti hidung berair, bersin dan mata berair.

## BAGAIMANA AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS BERFUNGSI

Pholcodine adalah perencat batuk dan mempunyai kesan sedatif yang sederhana yang membantu melegakan perengsaan setempat pada saluran pernafasan selama 8 sehingga 10 jam.

Tripolidine adalah antagonis kompetitif bagi reseptor H1 histamina. Ia menghalang kesan histamina kimia yang sedia ada dalam badan.

## SEBELUM MENGAMBIL AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif terhadap pholcodine atau triprolidine atau mana-mana komponen dalam produk ini.
- Tidak disarankan untuk kanak-kanak bawah 2 tahun.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Iridin Plus Linctus anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah pernafasan.
- Jika anda mempunyai masalah hati dan ginjal.
- Jika anda hamil dan menyusukan bayi.

### Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain yang mungkin berinteraksi dengan ubat ini.

- Alkohol
- Ubat-ubatan untuk merawat kemurungan
- Analgesik opioid
- Ubat antimuskarinik

## CARA MENGGUNAKAN AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja.  
Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: 10ml, 3 kali setiap hari

Kanak-kanak 6-12 tahun: 5ml, 3 kali setiap hari.

Kanak-kanak 2-5 tahun: 2.5ml, 3 kali setiap hari

Sila gunakan cawan penyukat untuk ukuran yang tepat.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Iridin Plus Linctus mengikut keadaan penyakit anda.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

### Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos

seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Iridin Plus Linctus mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Mengantuk, keresahan, keterujaan, ataksia (pergerakan yang tidak selaras), tanda-tanda antimuskarinik, depresi sistem saraf pusat dengan koma, kekejangan, bertukar kepada kegagalan pernafasan dan kegagalan kardiovaskular boleh dilihat berikutan pengambilan dos Axcel Iridin Plus Linctus yang berlebihan.
- Rawatan perlu simptomatik.
- Langkah-langkah harus diambil untuk mengelakkan dan menyokong pernafasan dan mengawal sawan.
- Rawatan cuci gaster boleh dilakukan jika dinyatakan.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Iridin Plus Linctus berlebihan.

## SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

### Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Iridin Plus Linctus mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

# AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

Pholcodine (5mg/5ml)

Triprolidine HCl (1.25mg/5ml)

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Iridin Plus Linctus lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda mempunyai masalah pernafasan.
- Jika anda mempunyai masalah hati.
- Jika anda mempunyai masalah ginjal.
- Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika berlaku, jangan memandu atau mengendalikan mesin.
- Penggunaan bersama alkohol dan sedatif bertindak pusat yang lain perlu dielakkan.
- Guna dengan berhati-hati atas nasihat doktor pada kanak-kanak berusia 2 hingga 6 tahun.
- Jangan gunakan ketika mengandung atau menyusukan bayi.

## KESAN- KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Iridin Plus Linctus boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor / ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Mengantuk
- Kemerahan pada kulit
- Mulut, hidung, kerongkong rasa kering.
- Selepas pengambilan dos yang besar, kerasahan, keriangan, ataksia (pergerakan yg tidak selaras) dan penurunan pernafasan mungkin berlaku.

Jika sebarang kesan sampingan ini bertambah serius, atau anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila maklumkan

kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

## PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**TARIKH KEMASKINI RiMUP**  
28/08/2014

**NOMBOR SIRI**  
BPFK(R4/1)030914/00004

## CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL IRIDIN PLUS LINCTUS

### *Penyimpanan*

Jauhkan Axcel Iridin Plus Linctus daripada jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

### *Pelupusan*

Jangan guna Axcel Iridin Plus Linctus yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## MAKLUMAT LANJUT

### *Rupa dan warna produk*

Axcel Iridin Plus Linctus ialah syrup berwarna ungu dengan perisa buah-buahan

### *Bahan-bahan kandungan*

#### *Bahan Aktif:*

Pholcodine dan Triprolidine Hydrochloride

#### *Bahan Tidak Aktif:*

Saccharin Sodium, Refined Sugar, Methylparaben, Glycerin, Methol Crystals, Citric Acid Anhydrous, Trisodium Citrate Dihydrate, Cherry Red, Brilliant Blue, Mixed Fruit Flavour dan Purified water.

### *Nombor MAL*

MAL09051551A